

**Mahathir: Kerjasama MAS-AirAsia idea amat baik**  
**The Malaysian Insider**  
**August 09, 2011**



SHAH ALAM, 9 Ogos — Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pertukaran saham antara Malaysian Airlines (MAS) dan AirAsia merupakan idea yang amat baik.

Beliau menyifatkannya sebagai cadangan yang tepat dan melahirkan harapan yang kerjasama itu akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

"AirAsia boleh mempelajari pengalaman MAS dan MAS boleh mempelajari bagaimana untuk mengurangkan kos sebagaimana yang dilakukan oleh AirAsia," katanya dipetik Bernama Online.

Dr Mahathir (**gambar**) mengulas mengenai isu berkenaan pada majlis berbuka puasa Proton Holdings Bhd di sini.

Mengenai kesan ekonomi AS sekarang ini terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata: "(Keadaan) ini dapat di atasi oleh negara kita."

"Kita sudah pun beralih dari negara AS kepada China yang mana di masa lampau dagangan dengan China telah meningkat berkali ganda.

"Kita telah buat persediaan apabila merosot ekonomi AS, kita dapat rakan dagang yang lain, yang tidak kurang besarnya," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Group AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, tidak akan ada perubahan dalam rancangan masa depan syarikat itu untuk menambah bilangan pesawat dan destinasiya meskipun dengan adanya Rangka Kerja Kerjasama Menyeluruh yang ditandatangani dengan MAS dan AirAsia X Sdn Bhd.

Pemeteraian rangka kerja itu tidak akan mengubah identiti AirAsia kerana ia bertujuan memberikan tumpuan kepada kecekapan teras setiap syarikat penerbangan itu, katanya selepas upacara menandatangani rangka kerja tersebut.

Beliau berkata rangka kerja itu juga diadakan tepat pada masanya bagi syarikat itu memandangkan persaingan yang semakin sengit dalam industri penerbangan di seluruh dunia.

"Dengan meraih faedah daripada rangka kerja ini, kami juga boleh bersaing dengan peserta-peserta besar dalam dunia penerbangan terutama dengan syarikat-syarikat dari Timur Tengah," tegasnya.

Mengulas tentang isu kemungkinan berlaku monopoli disebabkan oleh rangka kerja itu, Fernandes berkata, ini tidak akan berlaku kerana tumpuan adalah lebih kepada memanfaatkan tenaga ke arah yang positif dari segi memberikan faedah kepada industri seperti menggalakkan pelancongan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mahathir-kerjasama-mas-airasia-idea-amat-baik/>